KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	12/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PTG / PTD PERAK			

Isu lombong pasir silika di Pantai Pasir Panjang

MB Perak diminta campur tangan

Kerja melombong didakwa masih ada ketika arahan pemberhentian sudah dikeluar

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Lumut: Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad diminta campur tangan serta mengambil tindakan lebih tegas berhubung isu perlombongan pasir silika di Pantai Pasir Panjang, Segari, di sini.

Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata ia kerana pihak berkenaan didakwa masih melakukan kerja di lokasi biarpun arahan pemberhentian sudah dikeluarkan pihak berkuasa negeri.

Katanya, walaupun lokasi itu berstatus tanah milik, tiada kelulusan untuk melakukan sebarang aktiviti dan tindakan pihak berkenaan disifatkan tidak menghormati keluhuran undang-undang.

"Isu ini jelas, ia memang kawasan sensitif alam sekitar tahap satu. Kita berharap Menteri Besar dapat campur tangan supaya pihak yang jalankan aktiviti itu tidak berani lagi meneruskan kerja mereka.

"Kita harap ada tindakan tegas dalam isu ini dan pihak berkaitan dapat melakukan pemantauan 24 jam.

"Kita yakin aktiviti ini boleh dihentikan seperti kes penanaman durian Musang King secara haram di Raub, Pahang sebelum ini," katanya pada sidang media di Pejabat Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), di sini, semalam.

Meor Razak berkata, aktiviti itu bercanggah dengan Rancangan Fizikal Negara, garis panduan pemuliharaan dan pembangunan kawasan sensitif alam sekitar untuk kawasan persisiran pantai dan rancangan fizikal zon persisiran pantai.

"Kita paling bimbang kalau mereka 'bersihkan' hutan asal. Kalau diikutkan (lokasi kerja) tidak sampai 500 meter (m) dari pantai, tetapi berdasarkan garis panduan, aktiviti macam ini perlu 1,000m dari pantai," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden KUASA, Noor Ismady Ahmad Radzuan, berkata pihaknya kecewa selepas hasil maklumat penduduk dan tinjauan KUASA mendapati kerja masih ada di lokasi.



Meor Razak

Menurutnya, kenyataan dikeluarkan pihak berkenaan menunjukkan seolah-olah mereka seperti mendapat kelulusan dan kerjasama agensi berkait, sedangkan pihak berkuasa sudah memaklumkan tiada sebarang kelulusan dikeluarkan.

"Tinjauan mendapati kerja dilakukan berhampiran muara Sungai Putu yang menjadi tempat banyak penyu mendarat, justeru kami bimbang jika tidak dihentikan, kerja ini akan menggangu kawasan itu.

"Kita juga harap pihak berkaitan segera wartakan kawasan pendaratan penyu sebagai kawasan perlindungan.

"Mereka dakwa mahu mengelak kecurian atau penerokaan haram, tetapi kerja ini (seperti meneruskan) untuk kerja awal," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan syarikat yang juga pemilik tanah perindustrian di Tanjung Hantu, Segari, konsisten untuk memenuhi semua piawaian alam sekitar dan sebarang kerja yang dijalankan adalah mematuhi sepenuhnya piawaian yang ditetapkan.

Dilaporkan, kerja penggantian dan pengeluaran pasir akan dilakukan ketika ini untuk penyediaan tanah berkenaan bagi mengelak teroka haram pertanian, kecurian pasir dan lain-lain aktiviti yang mengancam alam sekitar.